

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 21.11.2025 MASA: 03:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

SEBERANG PERAI CYCLING DAY TAHUN 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 NOVEMBER (SABTU)
8.00 PAGI**

**KUALA MUDA BEACH @ SCENIC SPOT, PENAGA
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha TPr. Hj. Mohd Ridzal Bin Abdul
Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras
Seberang Perai Cycling Day (SPCD) 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. **Alhamdulillah**, segala puji dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang cukup bermakna ini bagi menjayakan **Program Penutup Seberang Perai Cycling Day (SPCD) Tahun 2025**. Hari ini bukan sekadar menutup satu program, tetapi menandakan permulaan budaya hidup sihat yang semakin subur di Seberang Perai.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi komitmen dan sumbangan tidak berbelah bahagi dalam menjayakan keseluruhan siri program ini; terutamanya para peserta, komuniti setempat, agensi-agensi yang terlibat serta Pasukan Basikal MBSP yang sentiasa menunjukkan dedikasi luar biasa. Sesungguhnya tanpa sokongan dan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, SPCD tidak mungkin mencapai impak seperti hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Program **Seberang Perai Cycling Day (SPCD)** pada tahun ini dilaksanakan melalui **empat (4) siri penganjuran merentasi ketiga-tiga daerah** Seberang Perai; bermula di Vision Park, Kepala Batas pada 22 Februari 2025; kemudian Empangan Mengkuang; disusuli Taman Negeri Bukit Panchor; dan akhirnya kita berada di destinasi terakhir di Kuala Muda Beach pada pagi ini. Setiap siri berjaya menarik penyertaan purata **30 hingga 50 peserta**, membuktikan bahawa minat terhadap gaya hidup sihat serta budaya berbasikal semakin berkembang dalam kalangan masyarakat.
4. Setiap siri bukan sahaja tentang kayuhan fizikal, tetapi turut memperlihatkan semangat peserta yang hadir seawal pagi, saling menyokong antara satu sama lain, dan menikmati keindahan alam sepanjang laluan. Penganjuran berterusan ini bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi telah menjadi **platform penyatuan komuniti**, menyemai nilai keselamatan jalan raya, meningkatkan kesedaran alam sekitar, serta mempromosikan gaya hidup aktif dalam kalangan warga Seberang Perai.

Hadirin yang dihormati,

5. Pada hari ini, MBSP berbesar hati menyampaikan **penghargaan khas** kepada peserta dengan penyertaan terbanyak bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Selain itu, MBSP turut menyediakan 10 cabutan bertuah sebagai tanda penghargaan kepada komuniti serta Pasukan

Basikal MBSP yang sentiasa memberikan sokongan padu sepanjang program ini dilaksanakan. Pengiktirafan ini adalah penghargaan kecil kami terhadap **komitmen besar** para peserta yang terus hadir, menyokong dan menjayakan setiap siri SPCD 2025.

6. Seberang Perai *Cycling Day* bukanlah sekadar program berbasikal; ia adalah simbol semangat kekitaan, kesihatan, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Penyertaan yang konsisten membuktikan bahawa kita sama-sama komited ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai komuniti yang aktif, sihat dan bersatu padu.

Hadirin sekalian,

7. Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan harapan agar program seperti ini dapat **diteruskan pada tahun-tahun mendatang** dengan penyertaan yang lebih ramai dan pelaksanaan yang lebih rancak. Saya percaya, dengan sokongan padu komuniti, agensi dan NGO, SPCD mampu berkembang menjadi **acara signature Seberang Perai**, sekali gus memperkukuhkan imej bandaraya ini sebagai sebuah bandaraya hijau, berdaya huni dan mesra komuniti.
8. Marilah kita terus memperkasa budaya berbasikal, mengamalkan gaya hidup sihat dan bersama-sama memelihara alam sekitar. Apa jua usaha yang kita lakukan hari ini adalah pelaburan berharga untuk masa depan generasi akan datang.

9. Semoga usaha kita ini terus diberkati dan memberi manfaat kepada seluruh warga Seberang Perai. Saya mengajak semua untuk terus menjadikan budaya berbasikal ini sebagai identiti Seberang Perai; bukan sekadar hobi, tetapi gaya hidup komuniti kita.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.